



bruneimipr

TEKS UCAPAN

**Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Seri Utama
Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin
Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar,
Menteri Perindustrian dan Sumber Sumber Utama
Negara Brunei Darussalam**

MAJLIS PEMBUKAAN RASMI SEMINAR HARI LAUTAN SEDUNIA 2014

**Dewan Setia Pahlawan,
Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama**

**Hari Isnin, 9hb. Jun 2014
bersamaan dengan 10hb. Sya'aban 1435H**

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM

Segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala yang maha pengasih lagi maha penyayang kerana di atas limpah kurnia dan izinNya jua, kita semua dapat sama-sama menghadirkan diri di majlis yang penuh berkebajikan pada pagi ini.

Selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wassalam, kaum kerabat, para sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Yang Mulia, Awang Abdul Halidi bin Mohd Salleh, Pemangku Pengarah Perikanan, selaku Pengerusi Majlis Seminar sempena Sambutan Hari Lautan Sedunia 2014;

Yang Mulia, Dayang Hajah Normah Suria Hayati binti Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri

Utama (Dr.) Haji Awang Mohd Jamil Al-Sufri,
Setiausaha Tetap, Kementerian Perindustrian dan
Sumber-Sumber Utama;

Timbalan Setiausaha Tetap, Ketua-Ketua
Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan, Para Penyelam,
Guru-Guru dan Penuntut-Penuntut, hadirin dan hadirat
yang dihormati sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan
Salam Sejahtera.**

1. Sejak kita di Negara Brunei Darussalam
menyambut hari lautan sedunia pada 8 Jun setiap
tahun, beberapa siri aktiviti telah pun dilaksanakan
dengan memberikan perhatian dan tumpuan kepada
menghargai sumbangan lautan kepada kehidupan kita
seharian. Saya percaya dalam memperingati
sumbangan lautan kepada kita, sedikit sebanyak nilai-
nilai murni yang menghargai kepentingan untuk

melindungi dan memelihara lautan kita termasuk hidupan laut dan ekosistem di dalamnya, telah mula menampakkan perkembangan yang positif di kalangan masyarakat umum terutamanya di kalangan remaja.

2. Salah satu aktibiti yang kita adakan kelmarin ialah pelancaran “Coral Conservation, Awareness, Rehabilitation and Enrichment Programme” atau dikenali dengan nama “Coral CARE Programme” yang diselajurkan dengan penanaman takat-takat karang di Pulau Pulong-Pulong yang merupakan salah satu aktibiti dalam program tersebut. Saya penuh berharap agar “Coral CARE Programme” ini akan menjadi titik permulaan di dalam mengujudkan kesedaran dan rasa tanggungjawab di kalangan orang ramai tentang peri mustahaknya melindungi, memulihara dan mengurus takat-takat karang kita yang kaya dengan khazanah marinnnya yang unik dan terpelihara.

3. Seperti yang saya sentuh kelmarin, takat-takat karang di seluruh dunia termasuk yang terdapat di Negara ini, sedang mengalami ancaman kemusnahan. Jika ianya tidak dibendung, ianya akan pupus dan ekosistemnya akan berubah; perikanan akan musnah; nelayan-nelayan yang bergantung kepadanya akan terpaksa mencari kawasan menangkap ikan atau mata pencarian yang lain; tidak ada lagi peluncuran menyelam atau 'dive tourism'; dan fungsi untuk menjaga pantai dari ombak besar dan hakisan juga akan hilang.

Hadirin dan Hadirat yang dihormati sekalian,

4. Beberapa aktibiti telah disusun sepanjang hari ini, bagi menekankan lagi akan pentingnya serta ancaman takat-takat karang tersebut; kaitannya dengan manusia; serta kesan perubahan iklim terhadap alam sekitar marin dalam bentuk seminar. Sebanyak 4 kertas kerja akan disampaikan oleh 3 orang pakar yang diundang, yang mana topik-topik yang akan disampaikan adalah

bertepatan dengan tema Hari Lautan Sedunia tahun ini iaitu “oceans sustainability” atau “Kelestarian Lautan”. Melalui perkongsian maklumat dalam sesi Seminar ini, ianya akan meningkatkan lagi pengetahuan dan kesedaran semua pihak yang berkenaan agar terus berganding bahu dan memberikan sokongan masing-masing ke arah melindungi dan memelihara lautan ini buat selamanya.

5. Di dalam kita sama-sama berusaha melindungi dan memelihara lautan ini, saya juga berharap lebih banyak jaringan kerjasama atau ‘networking’ dan perhubungan dengan pelbagai pihak yang berkepentingan iaitu dari pihak swasta, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan, penuntut-penuntut sekolah dan masyarakat umum tampil berganding bahu dengan pihak kerajaan di dalam mencapai hasrat untuk memelihara takat-takat karang khususnya, dan alam sekitar marin atau lautan secara amnya.

6. Bagi menyuntik kesadaran dan penghargaan sumbangan lautan pada kehidupan seharian di kalangan penuntut dan murid sekolah, satu acara pertandingan mewarna akan diadakan di sebelah petang ini nanti dan diselajarkan dengan penyampaian hadiah-hadiah kepada pemenang-pemenang yang menyertai pertandingan fotografi dan pertandingan melukis yang telah berjalan selama kira-kira satu bulan bermula sejak awal bulan Mei yang lalu. Pertandingan-pertandingan sedemikian yang bertemakan lautan dan kehidupan di dalamnya serta industri perikanan, secara tidak langsung akan dapat meningkatkan kesadaran awam mengenai keindahan alam sekitar marin dan kehidupan yang bergantung kepadanya seperti penangkapan ikan dan akuakultur yang lestari.

7. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada yang berjaya di dalam pertandingan fotografi, melukis dan mewarna dan juga berharap semoga penganjuran aktiviti-aktiviti seumpamanya akan dapat diteruskan di masa-masa akan datang. Saya juga telah difahamkan dari juri hakim yang dilantik bahawa mutu lukisan dan fotografi yang dipertandingkan adalah sangat tinggi.

Hadirin dan Hadirat yang dihormati sekalian,

8. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Jabatan Perikanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan semua yang terlibat dalam menjayakan Sambutan Hari Lautan Sedunia 2014.

9. Akhirnya, dengan lafaz Bismillahir Rahmanir Rahim dan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala serta selawat dan salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Shallallahu 'Alaihi Wassalam, saya dengan sukacitanya merasmikan **Seminar sempena sambutan Hari Lautan Sedunia 2014.**

Sekian

**Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Taala Wabarakatuh**